

Lembaran Kerja
Sains Darjah 2
Unit 2: Peraturan Bilik Sains

Bahagian A

Tandakan jawapan yang betul.

- 1) **“Berlari dan bermain di dalam bilik sains boleh menyebabkan kecederaan”**
Pernyataan di atas betul atau salah?
(A) Benar
(B) Salah

- 2) **“Faris menghidu cecair berasid tanpa pengetahuan cikgu. Tindakan Faris mematuhi Peraturan Bilik Sains”**
Pernyataan di atas betul atau salah?
(A) Benar
(B) Salah

- 3) **Mira membawa makanannya ke dalam bilik sains untuk menghabiskan sisa makanannya. Tindakan Mira melanggar Peraturan Bilik Sains.**
Pernyataan di atas betul atau salah?
(A) Benar
(B) Salah


- 4) Di manakah tempat yang sesuai untuk membuang kertas di dalam bilik sains?
(A) Tong sampah
(B) Bikar
(C) Singki

- 5) **“Fatima secara tidak sengaja terlanggar bikar dan menyebabkan bikar itu jatuh dan pecah”.**

Apa yang patut dia buat?

- (A) Laporkan kemalangan itu kepada guru
- (B) Baling bikar itu secepat mungkin
- (C) Rahsiakan kemalangan itu daripada guru

6)



Mengapa kita perlu membersihkan bilik sains sebelum keluar?

- (A) Untuk memastikan sinki tidak tersumbat
- (B) Memastikan pelajar tidak cedera
- (C) Memastikan bilik sains bersih dan kemas

7) Berikut adalah tingkah laku pelajar semasa berada di dalam bilik sains.

- Amalin makan di bilik sains bersama rakannya
- Vithiya membuang sampah ke dalam tong sampah
- Junaidi bermain dan berlari di bilik sains
- Kamil membersihkan bilik sains sebelum beredar
- Zaim membuang sisa pepejal ke dalam sinki

Manakah antara berikut yang mematuhi peraturan bilik sains?

- (A) Junaidi dan Vithiya
- (B) Zaim dan Amalin

(C) Kamil dan Vithiya

8) Antara berikut, yang manakah bukan peraturan di dalam bilik sains?


- I. Beratur di luar bilik sains dengan senyap
- II. Membuang sisa pepejal ke dalam tong sampah
- III. Makan atau minum di bilik sains
- IV. Bermain atau berlari di bilik sains

(A) I & II

(B) II & III

(C) III & IV

9) Ameer dan Luqman berada di dalam Bilik Sains. Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya mereka terus melakukan perbuatan seperti di dalam gambar.



(A) Bilik Sains akan menjadi kotor dan bahaya

(B) Sinki di dalam Bilik Sains akan tersumbat

(C) Mereka akan terjatuh dan tercedera

10) Selepas eksperimen, Dawish perlu membuang sisa cecair. Di manakah dia harus membuangnya?

(A) Buang cecair di luar bilik sains

(B) Buang cecair ke dalam longkang

(C) Buang sisa cecair ke dalam sinki dengan air yang mengalir

Bahagian B

Jawab semua soalan berikut.

Soalan 1 dan 2 adalah berdasarkan gambar 1.



Gambar 1 di atas menunjukkan sinki makmal yang tersumbat di Sekolah X.

1. Berdasarkan gambar 1, nyatakan Peraturan Bilik Sains yang tidak diamalkan oleh murid di Sekolah X

2. **“Disebabkan sinki tersumbat, Azrai membuang sisa cecair ke dalam bakul sampah.”**

Adakah tindakan Azrai itu betul? Mengapa?

3. Mengapakah kita perlu menyusun semula alat dan radas dengan kemas selepas digunakan?

Bahagian C

Hasilkan satu senarai semak yang mengandungi peraturan-peraturan Bilik Sains. Tandakan (/) apabila anda mematuhi peraturan tersebut. Sediakan ruangan untuk menanda sebanyak 30 hari. Catatkan jumlah bilangan anda mematuhi peraturan Bilik Sains untuk mendapatkan sijil penghargaan.

Skema Jawapan

Lembaran Kerja

Sains Darjah 2

Unit 2: Peraturan Bilik Sains

Bahagian A

1. A
2. B
3. A
4. A
5. A
6. C
7. C
8. C
9. C
10. C

Bahagian B

1. Spesimen: Anak pokok, Bahan: Pasu plastik, Peralatan sains: Kanta Pembesar
2. Membasuh peralatan sains/ menyimpan peralatan sains/ Mana-mana jawapan yang sesuai
3. Hidup di darat: Gajah, Kambing, Arnab
Hidup di dalam air: Penyu, Paus, Ikan emas
Hidup di darat dan di dalam air: Katak, buaya